- Memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Majlis Bandaran Seremban melalui pengiktirafan-pengiktirafan seperti berikut :-

i. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021

Kumpulan	Bilangan
Pengurusan Profesional	10
Pelaksana I	32
Pelaksana II	30
Pelaksana III	31
Jumlah Keseluruhan	103

ii. Anugerah Pekerja Contoh Bulanan Tahun 2021

Anugerah ini diberikan kepada Kumpulan Pelaksana daripada Gred 1 hingga Gred 36 yang dipilih oleh Pengarah Jabatan dan Ketua Unit pada setiap bulan mengikut pecahan berikut :-

Bil.	Jabatan	Jumlah
1.	Kejuruteraan	9 orang
2.	Kewangan	4 orang
3.	Kawalan Bangunan	4 orang
4.	Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan	14 orang
5.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	2 orang
6.	Undang-Undang dan Penguatkuasaan	6 orang
7.	Penilaian dan Pengurusan Harta	-
8.	Perancangan Pembangunan	6 orang
9.	Taman dan Landskap	9 orang
10.	Khidmat Pengurusan	6 orang
11.	Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran	1 orang
12.	Unit Komunikasi Korporat	-
13.	Unit Integriti	2 orang
14.	Unit Urusetia Mesyuarat, Letak Kereta dan Perolehan	2 orang
15.	Unit OSC	5 orang
16.	Unit COB	2 orang
17.	Unit Audit Dalam	-
Jumlah Keseluruhan		72 orang

iii. Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat

Seramai satu (1) orang pegawai/kakitangan Majlis Bandaraya Seremban telah dipilih untuk Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat sempena sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Ke-73 seperti nama pingat berikut :-

Pingat/Penerima	Jumlah
PINGAT JAKSA KEBAKTIAN (PJK)	
En. Ali bin Othman Pembantu Penguatkuasa Gred KP22	1 orang

iv. Pengurusan Persaraan

Jenis Persaraan	Jumlah Anggota
Persaraan Wajib	13 orang
Persaraan Pilihan Sendiri	5 orang
Pencen Terbitan	4 orang
Persaraan (Kontrak) mencapai umur 60 tahun	2 orang
Jumlah	24 orang

v. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Seramai satu (1) orang pegawai/kakitangan Majlis Bandaraya Seremban telah dipilih untuk HRMIS merupakan salah satu aplikasi perdana Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia di dalam sector awam sehingga prestasi pelaksanaan HRMIS dijadikan petunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicators (KPI)*. Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Tahun	Pencapaian (%)	Bintang
2020	100	5
2021	100	5

vi. Program Latihan dan Kursus

Program Latihan dan Kursus Tahun 2021 tidak dapat dijalankan seperti yang telah disasarkan disebabkan Pelan Pemulihran Negara (PPN) dan terikat dengan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Majlis telah menjalankan sebanyak 149 kursus secara *online*.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengarah

Puan Hanizah Binti Hassan
P.M.C, P.J.K





JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Memantapkan dan memperkuuhkan prasarana ICT termasuk sistem aplikasi, sistem rangkaian, keselamatan dan perkakasan/perisian ICT di samping membangunkan hala tuju ICT. Antara objektif JTMK di dalam organisasi MBS adalah seperti berikut:

OBJEKTIF

Memastikan semua urusan operasi khidmat bantuan teknikal dapat diselesaikan dalam tempoh **7 hari bekerja** untuk penyelesaian dalaman dan **21 hari bekerja** untuk penyelesaian yang menggunakan kapakaran pihak luar.

Memastikan pembangunan sistem, kualiti keselamatan dan kesahihan maklumat mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Memastikan ketersediaan capaian dalam tempoh 24 x 7 dengan 95% ketersediaan (*uptime availability*) dan aduan perkhidmatan diselesaikan tidak melebihi 8 jam selepas aduan diterima.

Memastikan perkhidmatan talian internet hendaklah sentiasa berfungsi 24 x 7 dengan 99.5% ketersediaan (*uptime availability*).

Memastikan perkhidmatan portal hendaklah sentiasa berfungsi 24 x 7 dengan 96% ketersediaan (*uptime availability*).

Memastikan perkhidmatan Wi-Fi percuma di premis Majlis berfungsi semula tidak melebihi 48 jam selepas aduan yang tidak melibatkan penggantian peralatan diterima.

Mengurus perolehan pemasangan projek kamera litar tertutup (CCTV) disekitar bandar Seremban dan Nilai di bawah program bandar selamat bagi tujuan pemantauan kegiatan jenayah oleh pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

FUNGSI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN SISTEM

Unit Aplikasi

- Mengkaji, membangun, merekabentuk, memasang dan mengujilari sistem aplikasi bagi menyokong fungsi dan operasi Majlis.
- Melaksanakan aplikasi kerajaan elektronik dan inisiatif tanpa kertas (perkhidmatan *online*).

Unit Operasi

- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan operasi sistem.
- Mengendalikan dan memantau aduan permasalahan yang diterima dari pengguna sistem aplikasi.

Unit GIS

- Membangun, menguji dan menyelenggara aplikasi-aplikasi dan pangkalan GIS.
- Mengurus dan melaksana proses perkongsian data melalui GIS

Unit Latihan

- Memberi latihan penggunaan sistem kepada warga Majlis mengikut keperluan jabatan.
- Mengadakan sesi *knowledge sharing*, program *technology update* dan *transfer of technology* kepada warga Majlis.

BAHAGIAN RANGKAIAN & KESELAMATAN

Unit Rangkaian

- Merancang, mengkaji, mengenalpasti dan melaksana projek-projek sistem rangkaian Majlis.
- Memasang, memantau dan memastikan perkhidmatan Wi-Fi percuma di premis Majlis berfungsi dengan baik.

Unit Pusat Data

- Menguruskan pengoperasian Pusat Data di Wisma MBS dan Pejabat Cawangan Nilai.
- Merancang dan menyelaras segala perkara yang berkaitan dengan keselamatan Pusat Data.

Unit Keselamatan

- Menguatkuasa, melaksana, mengemaskini dan memantau pematuhan rangkaian berdasarkan DKICT.
- Mengurus dan memantau peralatan rangkaian supaya beroperasi dengan baik.

BAHAGIAN PORTAL & MULTIMEDIA

Unit Portal

- Mengurus, mengemaskini dan menyelenggara portal Majlis secara keseluruhan.
- Mempromosi perkhidmatan ICT dan perkhidmatan *online*.
- Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Portal Majlis.

Unit Multimedia

- Menyediakan rekabentuk dan *layout* animasi bahan berdasarkan teknologi multimedia termasuk aplikasi, bahan cetakan, infografik, video dan lain-lain yang berkaitan.
- Membuat lakaran dan *editing* bahan maklumat multimedia.

BAHAGIAN KHIDMAT TEKNIKAL & SOKONGAN

Unit CCTV

- Merancang dan mengurus perolehan CCTV Bandar bagi Zon Seremban dan Zon Nilai.
- Memastikan pusat kawalan CCTV di Wisma MBS, Pejabat Cawangan Nilai, IPD, IPK dan Balai Polis Nilai berfungsi dengan baik.

Unit Perkakasan & Perisian

- Mengkaji keperluan semasa serta mengurus perolehan perkakasan, perisian baharu dan alat ganti komputer Majlis.
- Menyelenggara serta memastikan perkakasan dan perisian berfungsi dengan baik.

Unit Khidmat Sokongan

- Mengendalikan dan memantau aduan kerosakan perkakasan, perisian dan peralatan.
- Memberi sokongan teknikal bagi perkakasan dan perisian untuk kegunaan mesyuarat atas talian.

Unit VC

- Menyediakan khidmat sokongan teknikal bagi sesi mesyuarat secara atas talian yang dianjurkan atau disertai oleh Majlis.
- Memantau penggunaan perisian *video conference* sepanjang mesyuarat atas talian berjalan.

BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN

Unit Pentadbiran

- Mengendalikan urusan keseluruhan pentadbiran jabatan.
- Menguruskan aset & inventori ICT.
- Menguruskan dasar – dasar berkaitan jabatan.

Unit Kewangan

- Merancang dan menguruskan keseluruhan peruntukan ICT.
- Menyedia dan mencetak permohonan pembelian, arahan kerja serta memproses inbois untuk proses bayaran.
- Menyemak, tuntutan elauan lebih masa dan elauan perjalanan warga ICT.

Unit Pusat Siber

- Mengendali dan memantau operasi Pusat Siber.
- Memberi khidmat bantuan umum kepada pengunjung Pusat Siber.

PRESTASI TAHUN SEMASA

► SISTEM APLIKASI

Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan pelbagai jenis sistem aplikasi yang dapat membantu MBS dalam memudahkan pengurusan dan proses kerja. Kerja-kerja penambahan dan penyelenggaraan sistem sedia ada sentiasa dilakukan berterusan bagi memastikan ianya dapat memudahkan pengurusan.

Berikut adalah **sistem teras Majlis** sedia ada:

BIL	NAMA SISTEM	BIL	NAMA SISTEM
1	Sistem eNilai	4	Sistem eLesen
2	Sistem eTaksir	5	Sistem eKutipan
3	Sistem eKompaun	6	Sistem Perakaunan SPBT

Berikut pula adalah **sistem sokongan Majlis** sedia ada:

BIL	NAMA SISTEM	BIL	NAMA SISTEM
1	Sistem eStor	5	Sistem ePunch
2	Sistem GeoRIS	6	Sistem ePayment
3	Sistem i-Landskap	7	Sistem eCari
4	Sistem eMel	8	Sistem Pelan Bangunan

Majlis juga menggunakan sistem yang disediakan oleh agensi lain iaitu :-

1. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA)
2. Sistem Pelan Pemajuan (OSC 3 Plus Online)
3. Portal Pembayaran Berpusat PBT

Majlis juga mempunyai aplikasi mudah alih iaitu :-

1. Kompaun MBS
2. myMBS
3. Respon Rakyat

Pada tahun 2021, Majlis telah melaksanakan pembangunan sistem aplikasi, penambahan modul dan menaiktaraf sistem seperti berikut :-

1. Pembangunan Sistem Penilaian Semula.
2. Membangun Sistem Pengurusan Tempahan Fasiliti Awam

Pembangunan sistem mula dilaksana pada 1 September 2021 oleh syarikat GW Intech Sdn. Bhd. untuk tempoh 12 bulan sehingga 31 Ogos 2022. Modul utama sistem ini adalah seperti berikut:

- i. Modul Tempahan
- ii. Modul Bayaran
- iii. Modul Laporan
- iv. Modul Penyelenggaraan


Bengkel Kajian Keperluan Pengguna telah diadakan pada 7 Oktober 2021 melibatkan semua ahli jawatankuasa yang dilantik dan pihak pembekal.

Jabatan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan ini adalah seperti berikut:

- i. Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
 - ii. Jabatan Khidmat Pengurusan
 - iii. Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan
 - iv. Jabatan Kewangan
-
3. Melaksana migrasi Sistem Maklumat Asas Kejuruteraan (GeoRIS) ke GeoRIS ArcGIS Online.
 4. Penambahan modul Debt Collector dalam sistem eTaksir.
 5. Menaik taraf modul semakan online dengan menambah perkhidmatan online baharu iaitu Semakan Sewaan Premis Majlis.
 6. Penambahan saluran bayaran secara eWallet di gerbang bayaran online Majlis, ePayment.
 7. Melaksana integrasi antara Sistem eKompaun Majlis dengan Sistem JPJLink.
 8. Pembangunan Sistem Penilaian Pembekal secara *in house*.
 9. Pembangunan Sistem Pemantauan Projek ICT secara *in house*.



Rajah 1 : Sistem Semakan Online



Rajah 2 : Sistem Penilaian Semula



Sila imbas
QR Code untuk
pautan bayaran



<https://epay.mbs.gov.my>

www.mbs.gov.my



**Bayaran Cukai Taksiran
Kompaun Letak Kereta
dan
Sewaan MBS**



@mbseremban

Rajah 3 : Hebahan Bayaran Secara eWallet

► RANGKAIAN DAN KESELAMATAN ICT

Pada tahun 2021, pelbagai perkara kerja-kerja berkaitan rangkaian telah dijalankan. Berikut adalah Laporan Perkembangan Rangkaian dan Keselamatan ICT:

BIL	KETERANGAN
1.	Pengakabelan rangkaian Unit Integriti, Tingkat 3, Wisma MBS.
2.	Pengakabelan rangkaian Jab. Taman dan Lanskap, Tingkat Bawah, Wisma MBS.
3.	Pemasangan Wifi Staff di bilik mesyuarat dan bilik Latihan Wisma MBS seperti berikut :- a) Bilik Dato' Shahbandar b) Bilik Waris Klana Di Hulu c) Bilik Waris Klana Di Hilir d) Bilik Waris Shahbandar
4.	Penyediaan rangkaian untuk Pusat Penerimaan Vaksin (PICK) di Wisma MBS pada 18/7/2021 (Dos Pertama) dan 8/8/2021 (Dos Kedua).
5.	Perolehan Naiktaraf Data Storage.
6.	Perolehan Video Conference untuk Bilik Dato' Klana Petra.
7.	Penyediaan rangkaian untuk Kaunter Bergerak MBS setiap Sabtu di Taman yang ditentukan oleh Jabatan Kewangan.
8.	Perolehan Antivirus sebanyak 755unit untuk semua PC dan server Majlis.
9.	Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) kerjasama KPKT pada 28 hingga 30 Ogos 2021.

Portal Rasmi Majlis Bandaraya Seremban merupakan pusat data dan medan hebahan maklumat berkaitan Majlis. Portal Majlis sentiasa dikemaskini bagi memastikan maklumat terkini disalurkan dengan cepat dan tepat kepada orang ramai.



PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERKHIDMATAN ICT

Jabatan Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk menguruskan pembelian beberapa unit peralatan ICT dan pelbagai lesen perisian untuk kegunaan pelbagai jabatan Majlis termasuk beberapa perkhidmatan penyelenggaran. Pada tahun 2021, senarai perolehan bagi perkhidmatan komputer yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

BIL	KETERANGAN
1.	Perolehan 700 unit lesen perisian Sistem Pengurusan Desktop (<i>Manage Engine</i>).
2.	Pembekalan 25 unit handheld dan pencetak untuk pengeluaran kompaun.
3.	Perolehan 20 unit komputer peribadi, 30 unit CPU, 15 unit komputer riba dan 18 unit <i>Ultra Thin Notebook</i> .
4.	Pembekalan 16 unit peralatan <i>biometrik</i> untuk pelbagai jabatan. Menggantikan peralatan lama yang dibeli pada tahun 2013.
5.	Pembekalan 21 unit lesen perisian <i>autocad</i> , 3 unit lesen grafik multimedia dan 16 unit lesen perisian pembentangan (<i>Prezi</i>)

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN MBS 2021-2025

Pembangunan PSP MBS 2021-2025 adalah bertujuan menyediakan satu rangka kerja pendigitalan MBS yang komprehensif dan holistik bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari 2021 hingga 2025.

Objektif PSP MBS 2021-2025 adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan hala tuju pendigitalan yang jelas bagi tempoh lima (5) tahun dalam membantu menjayakan visi dan misi MBS;
- ii. Merancang keperluan bisnes dan ICT yang melibatkan pengguna, rangkaian dan keselamatan, peralatan ICT, aplikasi dan data, pengurusan maklumat serta pembudayaan digital;
- iii. Mengaplikasikan dan memanfaatkan program pendigitalan yang dibangunkan secara intensif serta menyeluruh untuk warga MBS dan komuniti;
- iv. Meningkatkan tahap kesedaran rakyat terhadap pembudayaan komuniti digital; dan
- v. Menjadi sumber rujukan utama dalam pelaksanaan program pendigitalan di MBS.



Dua siri bengkel telah dilaksanakan iaitu :

- i. Bengkel Analisis Persekitaran Semasa Bisnes dan ICT pada 21, 23 dan 24 September 2021.
- i. Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik pada 26, 27 dan 28 November 2021.

KURSUS DAN LATIHAN

Senarai latihan yang telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JTMK :

Bil.	Tarikh	Latihan	Tempat	Peserta
1	5 – 6 Jan 2021	Bengkel Pelaksanaan Sistem eStor	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Siti Noorizati Bt. Yahaya iii. Pn. Rasida Bt. Abdul Rahim iv. Pn. Nor Salimah Binti Mohd Ali
2	7 Jan 2021	Bengkel Penyemakan Garis Panduan Pembayaran Berasaskan IPP	Bilik Mesyuarat Jabatan Kewangan, MBS	i. Pn. Siti Hajar Aswad Bt. Saad
3	12 Jan 2021	Latihan Penggunaan Handheld Sistem eKompaun	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Pn. Nur Aqma Fasha Bt Mohammad Zaidin ii. En. Ghazali Bin Kamis iii. Pn. Salimi Bt. Ghazali
4	24 Feb 2021	Klinik Pemantauan Laman Web	Wisma Negeri, Pejabat SUKNS.	i. Pn. Nur Aqma Fasha Bt Mohammad Zaidin
5	25 Feb 2021	Latihan Penggunaan Sistem GeoRIS	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Nur Aqma Fasha Bt Mohammad Zaidin iii. Pn Jumahijah Bt. Mohd Yusoff
6	22 – 26 Mac 2021	Program Transformasi Minda Siri 2 Tahun	Rumah Peranginan Kerajaan Negeri Sembilan, Port Dickson	i. Pn. Rasida Bt. Abd Rahim
7	31 Mac – 2 Apr 2021	Bengkel Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) SUK Negeri Sembilan	Yayasan Negeri Sembilan	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Nur Aqma Fasha Bt. Mohammad Zaidin iii. En. Muhammad Zahid Bin Hj. Zaidi iv. Pn. Jumahijah Bt. Mohd Yusoff
8	20 Apr 2021	Latihan Pengendalian Sistem Kawalan CCTV Milik KPKT, Fasa 1	Bilik Kawalan CCTV, Wisma MBS.	i. En. Mohd Hafiq Bin Mad Daud
9	16 Jun 2021	Latihan Penggunaan Sistem Percipio Online Learning PSUKNS 2021–2022	Online	i. En. Ghazali B. Kamisan ii. Pn. Anita Azlina Bt. Tahir iii. En. Admad Fadzli B. Ghazali iv. En. Muhammad Haziq B. Mohd Som v. Pn. Rasida Binti Abdul Rahim

Bil.	Tarikh	Latihan	Tempat	Peserta
10	11 Aug 2021	Kursus Online Perancangan Bandar Pintar (<i>Smart City</i>)	Online	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. En. Muhammad Zahid Bin Hj. Zaidi iii. Pn. Faizah Bt. Razaly iv. Pn. Anita Azlina Bt. Tahir
11	10 Sep 2021	Sesi Latihan Pengendalian Portal mySMS 15888	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Pn. Che Zaidah Bt. Mohd Zulkifly ii. Pn. Faizah Bt. Razaly iii. Cik Intan Nurfadhilah Bt. Abd Malik iv. Pn. Nor Husna Bt. Rus v. Pn. Nor Salimah Bt. Mohd Ali
12	14 Sep 2021	Latihan Penggunaan Perisian Video Conference Secara Online	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Pn. Che Zaidah Bt. Mohd Zulkifly ii. En. Muhammad Zahid Bin Hj. Zaidi iii. Pn. Faizah Bt. Razaly iv. En. Ahmad Fadzli Bin Ghazali v. Pn. Nor Husna Bt. Rus
13	21, 23 dan 24 Sep 2021	Bengkel Analisis Persekitaran Bisnes dan ICT, Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Bandaraya Seremban	Wisma MBS	i. Semua pegawai ICT, JTMK
14	4 Okt 2021	Bicara Eksekutif Siri 9/2021 Dengan Topik Pengurusan Covid 19: <i>Leadership & Experience</i>	Bilik Waris Kelana Di Hulu, MBS	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Hjh. Che Zaidah Bt. Mohd Zulkifly iii. Pn. Ezza Narziefa Binti Mohd Mokhnar iv. En. Muhammad Zahid Bin Hj. Zaidi v. Pn. Faizah Binti Razaly
15	7 Okt 2021	Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Pembangunan Sistem eTempahan	Bilik Dato' Shahbandar, MBS	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Ezza Narziefa Binti Mohd Mokhnar iii. Pn. Anita Azlina Bt. Tahir iv. Pn. Rasida Bt. Abd Rahim
16	11-15 Okt 2021	Kursus Masterclass On Civil Service Collaboration	Online	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Hjh. Che Zaidah Bt. Mohd Zulkifly

Bil.	Tarikh	Latihan	Tempat	Peserta
17	21 Okt 2021	Program Bicara Ilmu : Aplikasi <i>Design Thinking</i> Dalam Penghasilan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)	Bilik Klana Di Hilir, MBS	i. En. Muhammad Haziq Bin Mohd Som ii. Pn. Rasida Bt. Abd Rahim
18	28 Okt 2021	Latihan Verifikasi Stor	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Ts. Pn. Farah Saffarizan Bt. Mohd Esa ii. Pn. Rasida Bt. Abdul Rahim iii. Pn. Nor Salimah Binti Mohd Ali
19	16 Nov 2021	Latihan Penggunaan Perisian <i>Doodly Standard</i>	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. En. Mohd Erman Bin Bachik
20	17 Nov 2021	Latihan Penggunaan Perisian <i>Prezi Plus</i>	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. En. Mohd Erman Bin Bachik
21	26 – 28 Nov 2021	Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik, Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Bandaraya Seremban	Tasik Villa International Resort, Port Dickson	i. Semua pegawai ICT JTMK.
20	1 Dec 2021	Latihan & FAT Modul Pemungut Hutang	Bilik Waris Shahbandar (Bilik Latihan Komputer), MBS	i. Pn. Anita Azlina Bt. Tahir ii. Pn. Rasida Bt. Abd Rahim

KURSUS DAN LATIHAN

- Penyediaan Video Sempena Persaraan Dato' Haji Zazali bin Salehudin (Mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban yang pertama) pada 23 Julai 2021



- Pengoperasian Pusat Siber Rakyat

Pusat siber rakyat beroperasi dari Hari Isnin hingga hari Jumaat (kecuali cuti umum) bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan diselia oleh Pembantu Operasi.

Pewujudan pusat siber rakyat ini bertujuan memberi peluang penduduk setempat khusus golongan pelajar untuk menggunakan komputer untuk pembelajaran secara percuma. Empat (4) pusat siber rakyat yang masih beroperasi adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Perkhidmatan Internet	Bilangan Komputer Untuk Pengunjung
1.	Pusat Siber Rakyat Rantau	Maxis One WiFiGo 20 Mbps	20 unit
2.	Pusat Siber Rakyat Mantin	Unifi 100 Mbps	18 unit
3.	Pusat Siber Rakyat Broga	Unifi 800 Mbps	14 unit
4.	Pusat Siber Rakyat Gadong	Sub Urban Broadband 10 Mbps	19 unit

3. Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Pusat Internet Harapan Rakyat Pangsapuri Seri Perdana Paroi Seremban

Majlis Tandatangan Kontrak Perjanjian Pengurusan Pusat Internet Harapan Rakyat Pangsapuri Seri Perdana Paroi Seremban telah diadakan pada 26 Mac 2021 di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS. Majlis ini telah disaksikan oleh YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Paroi.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, Tuan Haji Noor Iskandar Bin Mohamad Noor, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, Encik Mohamad Norfitri Bin Mohamad Din, Pengerusi Pembangunan Belia Harapan Negeri Sembilan (TABAH) dan Encik Mohd Firdaus Bin Haji Md Razali, Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Negeri Sembilan (GPMSNS).

Pusat Internet Harapan Rakyat Pangsapuri Seri Perdana Paroi beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 7.30 pagi sehingga 3.00 petang dan boleh digunakan secara percuma. Pusat Internet ini telah diambil alih pengurusan oleh pihak TABAH dan GPMSNS bermula 22 Februari 2021 hingga 31 Disember 2021.




Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Pusat Internet Harapan Rakyat Pangsapuri Seri Perdana Paroi Seremban



Bantuan khidmat sokongan untuk peralatan dan lain – lain keperluan bagi majlis dan mesyuarat anjuran Majli



Majlis Amanat YB Menteri KPkt 2021



Penukaran Backup Storage



Kerja – Kerja Penyelenggaraan Perkakasan Pusat Data



Pemasangan Unifi



Pemasangan Device Thumbprint ePunch Di Dewan Mantin



Latihan Penggunaan Perisian Doodly Standard



Seminar Gaya Hidup Sihat Anjuran MBS & Puspanita Cawangan Negeri Sembilan.



Majlis Perjumpaan Sempena Hari Wanita Sedunia 2021



Latihan Penggunaan CCTV

JABATAN UNDANG- UNDANG & PENGUATKUASAAN

Pengarah

Encik Hanizam bin Ahmad
A.N.S, P.M.C



JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

► OPERASI PEMERIKSAAN DAN PEMATUHAN SOP RUMAH URUT



► OPERASI ANJING LIAR



► OPERASI PEMERIKSAAN P.MAKANAN DAN PAPAN IKLAN TANPA LESEN



► OPERASI PUSAT HIBURAN DAN PEMATUHAN SOP (MKN)



► **OPERASI MEMINDAHKAN HALANGAN KENDERAAN TERBIAR**



► **OPERASI PAPAN IKLAN/POSTER/BUNTING TANPA PERMIT**



► **OPERASI PEMERIKSAAN LESEN TRED**



► **OPERASI SITAAN BARANGAN TRED**



► OPERASI PAPAN IKLAN



► OPERASI PENUTUPAN TAMAN AWAM



► OPERASI BERSEPADU BERSAMA (PDRM) PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN / SOP



► OPERASI SITAAN BARANGAN / MESIN BITCOIN



► OPERASI BERSEPADU DENGAN KPDNHEP



► LATIHAN KAWAD KAKI



► LATIHAN KECERGASAN



► BENGKEL PENYEDIAAN UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SEMBILAN



LAPORAN KES TINDAKAN MAHKAMAH TAHUN 2021 (01/01/2021 – 31/12/2021)

Bil.	Jenis Kesalahan	Kertas Siasatan (IP) Dibuka	Fail Di Pejabat Timbalan Pendakwaraya	Saman Dalam Proses Pendaftaran	Kes Telah Difail Di Mahkamah	Keputusan	
						Selesai	Belum Selesai
1	Kesalahan Letak Kereta	15,906	50	602	320	208	112
2	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen	-	-	-	-	-	-
3	Mendirikan/Membuat Tambahan/ Ubahan Bangunan Tanpa Kebenaran	-	1	10	18	17	1
4	Rumah, Bangunan/ Tanah Diliputi Semak Samun (Jab. Pelesenan & Pembersihan)	-	3	-	262	262	-
5	Rumah, Bangunan/ Tanah Diliputi Semak Samun (Jab. Kawalan Bangunan)	-	-	1	-	-	-
6	Kes Di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976	-	-	-	1	1	-
7	Pelesenan Anjing	446	-	76	52	47	5
8	Pelesenan Iklan	225	-	4	-	-	-
9	Rumah Urut Tanpa Lesen	84	-	9	15	12	3
10	Penjaja Tanpa Lesen	433	-	3	29	29	-
11	Trade Pelesenan	493	-	4	11	9	2
12	Halangan Kakilima/ Kenderaan/Awam	863	1	7	55	45	10
13	Enakmen Hiburan	53	-	5	4	3	1
14	Kenderaan Berat Dalam Taman	103	4	-	4	4	-
15	Rumah Tumpangan Tanpa Lesen	85	-	1	2	-	2
16	Kes Kacauganggu (Kesalahan Pelbagai)	7,655	3	7	27	8	19
17	Kawalan & Penyeliaan Tempat Makanan	75	-	-	-	-	-
18	Kes Di Bawah Akta Perancangan, Bandar dan Desa 1976 (OSC)	2	-	-	2	2	-
19	Halangan Galangan	1	-	1	-	-	-
JUMLAH		26,424	62	730	802	647	155



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Pengarah

Sr. Nor Zuliana Binti Abd. Manan



JABATAN PENILAIAN HARTAHAN

1. SENARAI NILAIAN

Jabatan ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di MBS. Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2021 ialah 295,405 harta.

Jumlah cukai taksiran pada tahun 2021 ialah RM137,126,519.45 berbanding RM131,377,178.60 pada tahun 2020 iaitu pertambahan sebanyak RM5,749,340.85.

Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan selain butir-butir pegangan serta nama dan alamat surat menyurat pemilik yang dikemaskini.

Perbandingan cukai taksiran serta pertambahannya di antara tahun 2017 hingga tahun 2021 adalah seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MPS (RM)	PERTAMBAHAN CUKAI TAKSIRAN MPS (RM)	PERATUS KENAIKAN (%)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MPN (RM)	PERTAMBAHAN CUKAI TAKSIRAN MPN (RM)	PERATUS KENAIKAN (%)
2017	61,593,373.25	1,648,566.65	2.70%	56,660,500.90	4,550,360.87	8.00%
2018	62,415,071.80	821,698.55	1.30%	59,063,582.59	2,403,081.69	4.10%
2019	65,630,307.15	3,215,235.35	4.90%	64,327,807.70	5,264,225.11	8.20%

1 JANUARI 2020 = PENGISYIHKAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

TAHUN	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MBS (RM)	PERTAMBAHAN CUKAI TAKSIRAN MBS (RM)	PERATUS KENAIKAN
2020	131,377,178.60	1,419,063.75	1.10%
2021	137,126,519.45	5,749,340.85	4.20%

Bagi maklumat jumlah pegangan yang dikenakan cukai taksiran di antara tahun 2017 hingga tahun 2021 pula adalah seperti berikut :-

TAHUN	BILANGAN PEGANGAN MPS	PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MPS	PERATUS PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MPS	BILANGAN PEGANGAN MPN	PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MPN	PERATUS PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MPN
2017	148,951	2,013	1.30%	124,301	7,343	5.80%
2018	149,422	471	0.30%	127,440	3,139	2.50%
2019	153,159	3,737	2.40%	135,941	8,501	6.20%

1 JANUARI 2020 = PENGISYIHKARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

TAHUN	BILANGAN PEGANGAN MBS	PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MBS	PERATUS PERTAMBAHAN BILANGAN PEGANGAN MBS
2020	285,955 (6,811 harta telah disingkirkan)	3,666	1.20%
2021	295,405	9,450	3.20%

► KURSUS PENILAIAN BERASASKAN NILAI TAMBAH KEPADA KAKITANGAN TEKNIKAL JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



Bermula dari kiri (Haji Azmi Bin Miswan, Puan Sr. Zuliana binti Abd Manan serta Sr. Haji Mohd Nasir bin Bakri).

Kursus penilaian tersebut dilaksanakan di Ruang Hidang Dato Dagang Paroi pada 3 November 2021 (Rabu). Kursus tersebut telah dihadiri oleh 50 kakitangan teknikal Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Kursus tersebut telah dihadiri oleh En. Haji Azmi bin Miswan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Johor Bharu serta Sr. Haji Mohd Nasir bin Bakri, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai persediaan dan persiapan nilai dari Kaedah Nilai Tahunan kepada Kaedah Nilai Tambah bagi kerja-kerja penilaian semula yang akan dilaksanakan.



Kursus yang diberikan merangkumi pengenalan dan definisi cukai taksiran, senarai nilai, aras nilai serta persiapan dan persediaan bagi migrasi nilai tahunan kepada nilai tambah.

Kedua-dua penceramah mengupas kaedah dan pengiraan yang digunakan, pengumpulan data prinsip penilaian serta susut nilai bagi kerja-kerja penilaian semula yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya masing-masing.

2. SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah satu bentuk percukaian yang dikenakan terhadap harta-harta yang dimiliki dan diduduki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Badan-Badan Berkanun menurut Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip penilaiannya adalah sama seperti penilaian cukai pintu, kecuali cara penguatkuasaan dan kutipan cukainya adalah berbeza dan tersendiri. Di mana Nilai Tahunan sesuatu harta itu adalah bergantung kepada rundingan dan persetujuan yang dicapai di antara Majlis Perbandaran Seremban dengan pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun serta bayarannya dikutip sekali setahun.

Sebagaimana Senarai Nilaian yang bertanggungjawab mengemaskini maklumat harta yang dikenakan cukai pintu, Sumbangan Membantu Kadar juga bertanggungjawab menyedia dan mengemaskini maklumat harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang dikenakan Sumbangan Membantu Kadar. Berikut merupakan ringkasan senarai nilai harta-harta di bawah Perkara 156, Perlembagaan Persekutuan bagi tahun 2021:-

BIL.	PEMBAYAR SUMBANGAN	BIL. HARTA	NILAI TAHUNAN (RM)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1	MARA – Bahagian Latihan & Pendidikan	7	187,200	24,336.00
2	Yayasan Negeri Sembilan	170		141,246.68
3	Angkatan Tentera Malaysia	820	9,421,660	572,443.50
4	Kerajaan Negeri Sembilan	943	3,137,398.00	396,061.34
5	Kerajaan Persekutuan	4,437	26,587,715.80	2,515,831.68
JUMLAH KESELURUHAN		6,377	39,333,973.80	3,077,475.70

3. PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)

Pulangan Balik Cukai Taksiran (remisi) adalah dimana pemilik bangunan boleh memohon untuk mendapatkan semula cukai taksiran yang telah dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya bangunan yang dimiliki itu kosong dan untuk disewa (bukan untuk dijual).

Namun permohonan hanya boleh dipertimbangkan sekiranya semua syarat-syarat telah dipatuhi oleh pemohon. Permohonan remisi ini akan dipertimbangkan dengan syarat bayaran cukai taksiran dijelaskan terlebih dahulu.

Telah memberi kenyataan bertulis kepada Pentadbiran Majlis dalam tempoh masa tujuh (7) hari daripada tarikh bangunan itu dikosongkan dan remisi adalah dikira mulai daripada tarikh surat yang diterima oleh Pentadbiran Majlis.

Tiada pulangan balik cukai taksiran (remisi) akan diberi sekiranya kekosongan bangunan tersebut kurang dari satu bulan (30 hari) bagi setiap setengah tahun taksiran.

Prosedur & Syarat permohonan remisi adalah seperti berikut :-

- a Menghantar surat permohonan rasmi sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 162 (2), Akta 171.
- b Mengemukakan 3 bulan salinan bil elektrik / surat pengesahan meter TNB yang disahkan oleh pemilik (jika meter tidak dipasang) kepada pihak majlis.
- c Memastikan bangunan berkenaan berada dalam keadaan bersih, baik dan selamat untuk diduduki.
- d Segala usaha untuk mendapatkan penyewa telah dijalankan dan memaparkan iklan untuk disewa di bangunan berkenaan.
- e Menawarkan harga sewa yang berpatutan.
- f Memastikan bangunan berkenaan adalah kosong sepanjang tempoh masa remisi dituntut.
- g Memastikan segala tunggakan cukai taksiran telah dijelaskan selewat-lewatnya sebelum 31/5 (penggal pertama) atau 31/11 (penggal kedua) setiap tahun.
- h Tiada pulangan balik cukai taksiran (remisi) akan diberi kepada pihak pemaju/ individu bagi permohonan rumah kediaman / komersial yang tidak dapat dijual.
- i Pihak pemaju yang membuat permohonan remisi hendaklah mengemukakan surat lantikan ejen harta tanah yang berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia sebagai bukti bahawa bangunan berkenaan dalam usaha mencari penyewa dan bukan pembeli.
- j Pemohon hendaklah memberitahu Majlis dengan cara bertulis dalam tempoh masa 15 hari daripada tarikh bangunan itu didiami semula.
- k Surat permohonan rasmi untuk mendapatkan remisi dan surat membuat tuntutan pembayaran remisi hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Tingkat 1, Majlis Bandaraya Seremban
Wisma Bandar Raya
Lot 14392, Persiaran Forest Heights 1
Jalan Seremban Tampin
70450 SEREMBAN**

Dokumen Sokongan yang diperlukan :-

- a** Salinan 3 bulan bil elektrik / surat pengesahan meter TNB yang disahkan oleh pemilik (jika meter tidak dipasang)
- b** Surat perlantikan ejen harta tanah (jika ada)
- c** Keratan iklan melalui akhbar (jika ada).
- d** Gambar bangunan terlibat (yang menunjukkan iklan untuk disewa).
- e** Salinan bil cukai taksiran semasa.

Borang permohonan boleh diperolehi dalam laman web rasmi pihak Majlis pada [Surat Permohonan Pulangan Balik Cukai Taksiran \(remisi\)](#).

Perbandingan permohonan remisi yang diterima serta bayaran remisi yang diluluskan di antara tahun 2015 hingga tahun 2021 adalah seperti berikut:-

TAHUN	PERMOHONAN REMISI YANG DILULUSKAN	JUMLAH BAYARAN REMISI YANG DILULUSKAN (RM)
2015	1860	397,046.50
2016	1927	657,116.50
2017	1918	728,795.50
2018	1963	719,937.00
2019	2360	712,191.50
2020	2348	416,723.00
2021	2228	899,046.50

4. PENGURUSAN HARTA

Fungsi utama unit ini adalah menguruskan sebahagian harta-harta milik Majlis dari segi pentadbiran rekod harta, perlantikan kontraktor keselamatan dan juga pembersihan, penyelenggaran bangunan, proses pengambilan penyewa serta pengurusan aduan berkaitan bangunan berkenaan. Pada masa ini, antara harta yang diuruskan oleh unit ini adalah seperti berikut:

- a Pusat Pengangkutan Terminal 1 Seremban (PPT1),
- b Pangsapuri Rakyat Seri Perdana Paroi (PRSP Paroi), dan
- c Program Perumahan Rakyat Termiskin Lobak (PPRT Lobak).
- d Tanah-tanah kosong dan juga bangunan perniagaan.

► Pusat Pengangkutan Terminal 1 Seremban (PPT1)

Pusat Pengangkutan Terminal 1 (PPT1) merupakan pusat pengangkutan awam darat utama di Negeri Sembilan yang menawarkan perkhidmatan bas dan teksi. Ianya merupakan projek usahasama antara Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan syarikat Panji Timor Sdn. Bhd. (PTSB) dan telah siap dibina pada 1995. Operasi mengurus dan mentadbir telah diserahkan kepada MPS (sekarang MBS) sejak 1 Mei 2010 sehingga kini.



Kemudahan yang terdapat di PPT1 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN	BILANGAN
Platform Bas	Tertutup 46 Terbuka 20
Tempat letak Kenderaan	1169 Unit
Tempat Letak Motosikal	470 Unit
Tandas Awam (Lelaki / Perempuan)	2
Surau	1
Kaunter Tiket	32 (1 kosong)
Gerai	38 (11 kosong)
Syarikat Bas	45 - 50

Kemudahan yang terdapat di PPT1 adalah seperti berikut:

KETERANGAN	PURATA TRIP SEHARI	CAJ PER ENTRY (RM)
Bas Ekspress	180 trip	5
Bas Bandar / Antara Bandar	230 trip	1 - 2

Laporan bergambar aktiviti yang berkaitan di PPT1 pada 2021

Pemeriksaan audit bersama Unit Audit Dalam di PPT1 pada 7 April 2021



Pemasangan bendera sempena bulan kemerdekaan di PPT1



Kaunter bergerak bagi kutipan sewaan dan utiliti di PPT1




► Pangaspuri Rakyat Seri Perdana Paroi (PRSP Paroi)

Pusat Pengangkutan Terminal 1 (PPT1) merupakan pusat pengangkutan awam darat utama di Negeri Sembilan yang menawarkan perkhidmatan bas dan teksi. Ianya merupakan projek usahasama antara Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan syarikat Panji Timor Sdn. Bhd. (PTSB) dan telah siap dibina pada 1995. Operasi mengurus dan mentadbir telah diserahkan kepada MPS (sekarang MBS) sejak 1 Mei 2010 sehingga kini.

BIL	BLOK	JUMLAH UNIT	UNIT DISEWA	UNIT ROSAK	UNIT KEGUNAAN AWAM
1	A	60	53	6	1
2	B	100	90	10	-
3	C	40	36	3	1
4	D	60	48	1	11
5	E	80	72	7	1
6	F	60	53	7	-
JUMLAH		400	352	34	14

- Berkeluasan 650 kaki persegi dengan kemudahan 3 bilik tidur dan 2 bilik air
- Harga sewa di pasaran terbuka boleh mencecah sehingga RM500 ke RM600 sebulan.
- MBS hanya mengenakan sewa pada kadar RM150 sebulan.



Ringkasan kutipan sewa tahunan bagi tahun 2018 hingga 2021 di PRSP Paroi seperti berikut:

TAHUN	KUTIPAN PATUT TERIMA (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	TUNGGAKAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)	PERATUS TUNGGAKAN (%)
2018	609,200	474,652	134,548	78	22
2019	616,500	558,170	58,330	91	9
2020	560,650	438,291	122,359	78	22
2021	621,000	514,099	106,901	83	17

Statistik penyewa mengikut kaum di PPR Paroi adalah seperti berikut:

BIL	BLOK	MELAYU	CINA	INDIA
1	A	51	-	1
2	B	86	-	1
3	C	35	1	-
4	D	47	-	-
5	E	68	-	4
6	F	51	-	1
JUMLAH		338	1	7
PERATUSAN (%)		97.69	0.29	2.02

Laporan tunggakan mengikut blok di PPR Paroi adalah seperti berikut:

BIL	BLOK	AKAUN AKTIF		AKAUN IN-AKTIF	
		JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH UNIT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH UNIT
1	A	163,668.00	36	46,852.00	12
2	B	293,210.00	62	126,573.40	20
3	C	138,608.00	23	27,771.00	6
4	D	182,044.00	60	63,807.00	14
5	E	261,978.00	80	50,190.60	13
6	F	178,748.00	60	77,467.00	19
JUMLAH		1,218,256.00	326	392,661.00	84

Laporan bergambar aktiviti yang berkaitan di PPR Paroi pada 2021

Kerja-kerja membaikpulih paip bocor pada di PPR Paroi



Kerja-kerja mengecat petak parkir motosikal pada 14 Disember 2021 di PPR Paroi



Lawatan Dato' Bandar ke PPR Paroi pada 16 Disember 2021



► Program Perumahan Rakyat Termiskin Lobak (PPRT Lobak)

Program Perumahan Rakyat Termiskin Lobak (PPRT Lobak) telah siap dibina pada tahun 1995 bertujuan mengatasi masalah setinggan terutamanya di kawasan Lobak dengan sasaran untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah. Projek perumahan ini dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kos sebanyak RM5 juta. Pihak Majlis hanya menyediakan tapak untuk pembinaan di atas lot 23763 berkeluasan 3.4 ekar. Terdapat 4 blok dengan jumlah keseluruhan unit sebanyak 200unit seperti berikut:

BIL	BLOK	JUMLAH UNIT	UNIT DISEWA	UNIT ROSAK	UNIT KEGUNAAN AWAM
1	R	50	34	11	5
2	S	50	26	24	-
3	T	50	35	11	4
4	U	50	36	14	-
JUMLAH		200	131	60	9

- a. Berkeluasan 500 kaki persegi dengan kemudahan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.
- b. Harga sewa di pasaran terbuka antara RM400 ke RM500 sebulan.
- c. MBS hanya mengenakan sewa pada kadar RM150 sebulan.



Ringkasan kutipan sewa tahunan bagi tahun 2018 hingga 2021 di PPRT Lobak seperti berikut:

TAHUN	KUTIPAN PATUT TERIMA (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	TUNGGAKAN (RM)	PERATUS KUTIPAN (%)	PERATUS TUNGGAKAN (%)
2018	251,100	97,200	153,900	39	61
2019	247,350	151,490	95,860	61	39
2020	226,800	93,810	132,990	41	59
2021	237,450	92,550	144,900	39	61

Statistik penyewa mengikut kaum di PPRT Lobak adalah seperti berikut:

BIL	BLOK	MELAYU	CINA	INDIA
1	R	9	12	12
2	S	4	13	8
3	T	19	9	6
4	U	10	20	6
JUMLAH		42	54	32
PERATUSAN (%)		32.81	42.19	25

Laporan tunggakan mengikut blok di PPRT adalah seperti berikut:

BIL	BLOK	AKAUN AKTIF		AKAUN IN-AKTIF	
		JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH UNIT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	JUMLAH UNIT
1	R	225,926.55	31	160,901.50	59
2	S	178,547.00	19	151,578.30	55
3	T	220,923.97	36	144,785.70	57
4	U	319,820.00	36	251,725.90	70
JUMLAH		945,217.52	122	564,991.40	241

Laporan bergambar aktiviti yang berkaitan di PPR Paroi pada 2021


Lawatan Dato' Bandar ke PPR Paroi pada 16 Disember 2021



Kerja-kerja mengecat Blok R, S, T, U di PPRT Lobak



Kerja-kerja membaikpulih paip bocor di Blok S di PPRT Lobak pada 7 Disember 2022



Tandatangan perjanjian sewaan baharu bersama penyewa di PPRT Lobak



Kaunter bergerak di PPRT Lobak



► Bangunan Perniagaan, Pejabat dan juga Tanah Kosong

Selain daripada Pusat Pengangkutan Terminal 1, PPR Paroi dan PPRT Lobak, JPPH juga menguruskan dan mentadbir beberapa harta milik MBS seperti berikut :-

BIL	ALAMAT PREMIS	JENIS HARTA
1	No. 583, Jalan Mulia 1, Taman Mulia, 71700 Mantin N. Sembilan	Kedai Pejabat 2 Tingkat
2	No. 584, Jalan Mulia 1, Taman Mulia, 71700 Mantin N. Sembilan	Kedai Pejabat 2 Tingkat
3	No. 585, Jalan Mulia 1, Taman Mulia, 71700 Mantin N. Sembilan	Kedai Pejabat 2 Tingkat
4	No. 9, Jalan Laman Delfina 1/1, Laman Delfina, Nilai Impian, 71800 Nilai	Kedai Pejabat 2 Tingkat
5	No. 10, Jalan Laman Delfina 1/1, Laman Delfina, Nilai Impian, 71800 Nilai	Kedai Pejabat 2 Tingkat
6	Pt772 (Lot 4472) Tingkat Bawah, Pekan Mantin	Kedai Pejabat 1 Tingkat
7	22-1 , 22-2, 22-3, Jalan Ppp 3, Pusat Perdagangan Paroi, 70400 Seremban	Kedai Pejabat 3 Tingkat (Strata)
8	23-1, 23-2, 23-2 , Jalan Ppp 3, Pusat Perdagangan Paroi, 70400 Seremban	Kedai Pejabat 3 Tingkat (Strata)
9	24-1 , 24-2, 24-3, Jalan Ppp 3, Pusat Perdagangan Paroi, 70400 Seremban	Kedai Pejabat 3 Tingkat (Strata)
10	25-1, 25-2, 25-3, Jalan Ppp 3, Pusat Perdagangan Paroi, 70400 Seremban	Kedai Pejabat 3 Tingkat (Strata)
11	No. 9, Jalan Seri Rahang 1, Taman Seri Rahang, 70100 Seremban	Kedai Pejabat 2 Tingkat
12	No. 10, Jalan Seri Rahang 1, Taman Seri Rahang, 70100 Seremban	Kedai Pejabat 2 Tingkat
13	Wisma Mps	Bangunan Pejabat Sesebuah
14	Bangunan Kraf Dataran Nilai	Bangunan Perniagaan Sesebuah
15	No. 90, Jalan Smp 2, Sendayan Metro Park	Kedai Pejabat 2 1/2 Tingkat
16	No. 91, Jalan Smp 2, Sendayan Metro Park	Kedai Pejabat 2 Tingkat
17	No. 52, Jalan Ps 1/1, Taman Pinggiran Senawang	Kedai Pejabat 2 Tingkat
18	No. 50, Jalan Ps 1/1, Taman Pinggiran Senawang	Kedai Pejabat 2 Tingkat
19	No. 48, Jalan Ps 1/1, Taman Pinggiran Senawang	Kedai Pejabat 2 Tingkat
20	No. 46, Jalan Ps 1/1, Taman Pinggiran Senawang	Kedai Pejabat 2 Tingkat
21	No. 44, Jalan Ps 1/1, Taman Pinggiran Senawang	Kedai Pejabat 2 Tingkat
22	Bangunan Nilai (Blok A) - Jabatan Kewangan	Bangunan Pejabat 2 Tingkat
23	Bangunan Nilai (Blok A) - Pusat Centre Setempat	Bangunan Pejabat 2 Tingkat
24	Plot 5b, Tingkat 5, Bangunan Seremban Parade	Ruang Perniagaan
25	Tanah Kosong Lot 17260 Dan 17264 Mukim Setul, Seremban	Tanah Kosong
26	Tanah Kosong Lot 26192 Taman Tuanku Jaafar, 71450 Sg Gadut	Tanah Kosong
27	Padang Permainan (Gelangan Tennis), Jalan Raja Muda Ali, Seremban	Padang Permainan
28	Tanah Kosong Lot 38084, Jalan Industri Galla 14, Galla Industrial Park	Tanah Kosong
29	T/K Lot 11332, Taman Permai	Tanah Kosong
30	T/K Lot 23028, Taman Permai	Tanah Kosong
31	T/K Taman Pinggiran Senawang	Tanah Kosong

Daripada harta-harta MBS tersebut, beberapa harta tersebut masih belum dapat disewakan seperti berikut :

BIL	GAMBAR	PELAN LOKASI	LOKASI HARTA / JENIS HARTA	NO. LOT / MUKIM / SYARAT NYATA / LUAS LANTAI (mp)	CADANGAN HARGA SEWAAN
1			No. 9, Jalan Seri Rahang 1, Taman Seri Rahang, 70100 Seremban. Rumah Kedai 2 tingkat Lot tepi	Lot 21604 Bandar Seremban Perniagaan Luas = 249.01 mp	GF = RM2,000 1ST = (telah disewakan)
2			No. 10, Jalan Seri Rahang 1, Taman Seri Rahang, 70100 Seremban. Rumah Kedai 2 tingkat Lot tengah	Lot 21605 Bandar Seremban Perniagaan Luas = 249.01 mp	GF = RM2,000 1ST = RM1,000
3			Tingkat 5, Seremban Prima, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban. (Sebahagian tingkat 5)	Lot 20871 (Plot 5B) Bandar Seremban Perniagaan Luas = 3,251.6 mp	(Sewaan ruang kosong) RM30K = 2 thn pertama RM45K = 2 thn kedua RM60K = 2 thn berikutnya
4			22-2,22-3, Jalan PPP 2, Pusat Perdagangan Paroi, 70450 Seremban. Rumah Kedai 3 tingkat (strata)	Lot 21529 Bandar Seremban Perniagaan GF = 106.75 mp 1ST = 120.74 mp 2ND = 120.74 mp	GF = (telah disewakan) 1ST = RM2,500 2ND = RM1,500
5			23-2. 23-2, Jalan PPP 2, Pusat Perdagangan Paroi, 70450 Seremban. Rumah Kedai 3 tingkat (strata)	Lot 21530 Bandar Seremban Perniagaan GF = 106.75 mp 1ST = 120.74 mp 2ND = 120.74 mp	GF = (telah disewakan) 1ST = RM2,500 2ND = RM1,500
6			24-2,42-3, Jalan PPP 2, Pusat Perdagangan Paroi, 70450 Seremban. Rumah Kedai 3 tingkat (strata)	Lot 21531 Bandar Seremban Perniagaan GF = 106.75 mp 1ST = 120.74 mp 2ND = 120.74 mp	GF = (telah disewakan) 1ST = RM2,500 2ND = RM1,500
7			25-2,52-3, Jalan PPP 2, Pusat Perdagangan Paroi, 70450 Seremban. Rumah Kedai 3 tingkat (strata)	Lot 21532 Bandar Seremban Perniagaan GF = 106.75 mp 1ST = 120.74 mp 2ND = 120.74 mp	GF = (telah disewakan) 1ST = RM2,500 2ND = RM1,500
8			90, Jalan SMP 2, Sendayan Metro Park, 71950 Seremban. Rumah Kedai 2 1/2 tingkat Lot Hujung	PT7239 Bandar Sri Sendayan Perniagaan Luas = 840.68 mp	GF = RM8,00 1ST = RM3,800 2ND = RM4,000
9			91, Jalan SMP 2, Sendayan Metro Park, 71950 Seremban. Rumah Kedai 2 1/2 tingkat Lot Tengah	PT7240 Bandar Sri Sendayan Perniagaan Luas = 287.69 mp	GF = RM2,000 1ST = RM1,000
10			Lot 38137, Jalan Industri Galla 15, Galla Industri Park, 70200 Seremban. Tanah Kosong (Perusahaan)	Lot 38137 (PT 8500) Mukim Labu Perusahaan 1,954 mp	RM3,000

LAWAT PERIKSA JABATAN PENGURUSAN HARTA DAN PENILAIAN BERSAMA PIHAK ZAMMEDI LAB SDN BHD PADA 18 JUN 2021 DI PUSAT PERDAGANGAN PAROI



LAWAT PERIKSA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA PIHAK MATRIX CONCEPT SDN BHD PADA 19 OGOS 2021 DI SENDAYAN METROPARK



LAWATAN KERJA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA PIHAK MENANG DEVELOPMENT SDN BHD PADA 10 NOVEMBER 2021 DI PASAR AWAM RASAH JAYA



LAWAT PERIKSA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA PIHAK CENTRO HEIGHTS SDN BHD PADA 2 SEPTEMBER 2021 DI TAMAN PINGGIRAN SENAWANG



LAWAT PERIKSA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA TERHADAP ADUAN KEROSAKAN KEMUDAHAN DI WISMA PERBANDARAN SEREMBAN PADA 7 DISEMBER 2021



LAWAT PERIKSA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA BERSAMA PEJABAT RELA NEGERI SEMBILAN PADA 17 DISEMBER 2021 DI PUSAT PERDAGANGAN PAROI





JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Pengarah

TPr. Haji Nazri Bin A. Ghani
P.M.C, P.J.K



JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

KURSUS DAN LATIHAN PENGENDALIAN DRONE

Tarikh : 9 November 2021

Waktu : 9.00 am-5.00pm

Tempat : Bilik Sri Seremban & Padang Majlis Bandaraya Seremban



Pada 9 November 2021, Jabatan Perancangan Pembangunan telah mengadakan kursus dan latihan pengendalian drone yang dikendalikan oleh pihak konsultan Geoinfo Services Sdn Bhd. Kursus ini adalah bertujuan bagi memberi pendedahan dan cara pengendalian drone dalam skop kerja yang akan digunakan mengikut cara dan prosedur yang ditetapkan dan betul. Sesi latihan diadakan untuk melatih pengawal pengendalian drone daripada beberapa jabatan yang utama bagi melatih membuat cerapan imej dalam skop kerja masing-masing yang melibatkan penggunaan drone. Jumlah peserta kursus yang menghadiri kursus ini adalah seramai 30 orang.

BENGKEL SEBARAN MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SEMBILAN VERSI 1.0 – PERINGKAT MBS

Tarikh : 15 November 2021

Waktu : 9.00 pagi-5.00 petang

Tempat : Ruang Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS



